



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (01 NOVEMBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **11 kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Daripada jumlah tersebut, seramai enam (6) kes adalah di daerah Kuching, tiga (3) kes di daerah Miri dan dua (2) kes di daerah Bintulu. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 892 kes**.

A. Kes COVID-19 Baharu

i) Daerah Kuching (6 Kes Baharu)

Seramai enam (6) kes baharu telah dikesan positif COVID-19 di Daerah Kuching.

a) Kes Saringan Kontak Rapat (3 Kes Baharu)

Tiga (3) kes baharu ini adalah kontak kepada kes ke-866 yang dilaporkan pada 30 Oktober 2020. Kes-kes ini adalah satu (1) orang ahli keluarga dan dua (2) kontak tempat kerja kepada kes ke-866. Kes-kes ini berumur dalam lingkungan 13 hingga 20 tahun.

Kes-kes ini telah menjalani saringan pada 30 Oktober 2020 dan keputusan ujian rT-PCR pada 31 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19. Kes-kes ini tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Siasatan lanjut dan pengesahan kontak sedang giat dijalankan. Kes dikategorikan sebagai kes tempatan

b) Kes Saringan Kontak Kepada Kluster Greenhill (2 Kes Baharu)

- i) Kontak pertama merupakan seorang lelaki warga tempatan yang mempunyai sejarah mengunjungi premis yang pernah dikunjungi oleh kes-kes yang dilaporkan di dalam kluster ini. Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 29 Oktober 2020. Keputusan ujian pada 31 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19.
- ii) Kontak kedua merupakan kontak kepada kes ke-877 yang dilaporkan pada 31 Oktober 2020. Kes telah menjalani saringan pada 31 Oktober 2020 dan keputusan ujian pada hari yang sama mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kedua-dua kes ini telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Siasatan lanjut dan pengesahan kontak sedang giat dijalankan.

c) Kes Saringan Bergejala (1 Kes Baharu)

Kes merupakan seorang lelaki warga tempatan yang dikesan melalui saringan bergejala di fasiliti kesihatan kerajaan di Kuching. Kes telah menjalani saringan pada 29 Oktober 2020 dan keputusan ujian pada 31 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 atau kontak kepada kes positif COVID-19. Sehingga punca sebenar jangkitan dikenalpasti, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

ii) Daerah Miri (3 Kes Baharu)

Seramai tiga (3) kes baharu telah dikesan positif COVID-19 di Daerah Miri.

a) Kes Saringan Kontak Kepada Kluster Greenhill (1 Kes Baharu)

Kes merupakan seorang surirumah warga tempatan. Kes merupakan kontak rapat kepada kes ke-829 yang telah dikesan pada 28 Oktober 2020. Kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 28 Oktober 2020 di Miri dan keputusan ujian pada 31 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19.

Kes mengalami gejala sakit tekak dan telah dimasukkan ke Hospital Miri pada 31 Oktober 2020 untuk rawatan lanjut. Siasatan lanjut dan pengesahan kontak sedang giat dijalankan. Kes dikategorikan sebagai kes tempatan.

b) Kes Dikesan Melalui Saringan Pulang Dari Kawasan Berisiko Jangkitan COVID-19 (1 Kes Baharu) (Import-B)

Kes merupakan seorang wanita warga tempatan yang mempunyai sejarah perjalanan ke Selangor. Kes tiba di Lapangan Terbang Miri pada 25 Oktober 2020 dan diambil swab rT-PCR pada 27 Oktober 2020.

Keputusan ujian pada 30 Oktober 2020 mendapati kes adalah positif COVID-19. Kes tidak mengalami sebarang tanda dan gejala. Kes telah dimasukkan ke Hospital Miri untuk rawatan lanjut. Siasatan lanjut dan pengesahan kontak sedang giat dijalankan. Kes dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan dari kawasan berisiko jangkitan COVID-19 (Import B).

c) Kes Saringan Petugas Kesihatan (1 Kes Baharu)

Kes merupakan seorang petugas kesihatan yang mengalami gejala sakit tekak. Kes telah diarahkan untuk menjalani saringan COVID-19 dan kemudiannya dimasukkan ke Hospital Miri pada 28 Oktober 2020 untuk rawatan. Kes menjalani saringan COVID-19 pada 29 Oktober 2020 dan keputusan ujian pada 31 Oktober 2020.

Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan. Kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 atau kontak kepada kes positif COVID-19. Sehingga punca sebenar jangkitan dikenalpasti, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan.

iii) Daerah Bintulu (2 Kes)

Seramai dua (2) kes baharu telah dikesan positif COVID-19 di Daerah Bintulu.

a) Kes Saringan Kontak Kepada Kluster Greenhill (2 Kes Baharu) (Import-C)

Kedua kes ini merupakan pasangan suami isteri yang mempunyai kontak dengan kes ke-826 yang dilaporkan dalam kluster ini. Kes ini mempunyai sejarah perjalanan ke Kuching pada 22 hingga 25 Oktober 2020 dan bertemu dengan kes ke-826.

Kes telah menjalani saringan COVID-19 di Hospital Bintulu pada 31 Oktober 2020 dan keputusan ujian mendapati kes adalah positif COVID-19 pada hari yang sama. Kedua-dua kes mengalami gejala cirit-birit.

Siasatan lanjut dan pengesanan kontak sedang giat dijalankan. Kes dikategorikan sebagai kes yang mendapat jangkitan dari luar daerah iaitu di Kuching (Import C).

B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, tiada kluster baharu yang telah dikesan. Walau bagaimanapun, terdapat lima (5) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Baki Di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai 30 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 2943 individu telah disaring, dimana:

- 30 kes dikesan positif COVID-19;
- 1,853 individu negatif; dan
- 1,060 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 1.02%. Sehingga 1 November 2020, jam 12:00 tengah hari, lima (5) kes telah sembah dan didiscaj dari hospital manakala 25 kes masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

Seramai 845 individu telah menjalani saringan pertama melalui pengesanan secara aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak di Kampung Haji Baki pada 25 Oktober 2020. 828 individu adalah negatif dan 17 individu adalah positif COVID-19.

Seramai 1998 individu telah menjalani saringan melalui pengesanan secara aktif yang telah dijalankan dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kampung Haji Baki setakat 31 Oktober 2020. 1853 adalah negatif manakala 1060 individu masih menunggu keputusan makmal.

ii) Kluster Greenhill Di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan lima (5) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 47 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 320 individu telah disaring, dimana:

- 47 kes dikesan positif COVID-19;
- 189 individu negatif; dan
- 84 individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 14.69%. Sehingga 1 November 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

iii) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

iv) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

v) Kluster Seladah di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **lima (5)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kesemua kes ini didiscaj dari Hospital Umum Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah kekal seramai **753** orang atau **84.42%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **120** orang iaitu:

- 98 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- 17 kes di Hospital Miri;
- Tiga (3) kes di Hospital Bintulu, dan
- Dua (2) kes di Hospital Sibu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.13%**.

Hari ini **13 PUI** baru telah dilaporkan dan **tiga (3)** PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai 87 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Daerah Lundu, Miri dan Limbang juga kekal berstatus kuning. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah, tiga (3) berstatus Kuning dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **26 kompaun** di Daerah Lawas (10), Padawan (8), Kuching (5) dan Miri (3).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **132 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan MPP (39), DBKU (32), SMC (19), MDDM (12), MD Marudi (12), MBKS (8), BDA (7), MD Serian (2) dan MPKS (1).

3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,635 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (234), Restoran (286), Kilang (8), Bank (129), Pejabat Kerajaan (71), Penjaja (33), Pasar Tani/Awam (77), Tempat Ibadah (95), Tempat Riadah (51), Tapak Pembinaan (19) dan lain-lain (632).

Seramai **560 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (260), ATM (32), RELA (132), APM (84), PBT (38), KKM (8) dan lain-lain agensi (6).

4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,294** jumlah kenderaan telah diperiksa.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
01 NOVEMBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	881	Kes sedang dirawat di hospital	120	13.45%
Kes Baharu	11	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	146,110	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	892	Jumlah kes kematian	19	2.13%
IR per 100,000 penduduk	28.92	Kes telah sembuh dan discaj	753	84.42%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	0		13	10,114
Menunggu keputusan	2		3	

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	98	2	3	17	0	120
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru 5	0	0	0	0	5
	Kumulatif 623	39	46	43	2	753
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)	9	9	3	1	0	22

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	6	6,714	6	565	6	458	0	12	95	99	87
	Jumlah	6	6,714	6	565	6	458	0	12	95	99	87

DAERAH KUNING (3)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lundu	0	258	0	4	0	3	0	0	1	1	1
2	Miri	3	860	3	47	0	30	0	1	16	16	7
3	Limbang	0	33	0	11	0	9	0	1	1	1	1
	Jumlah	3	1151	3	62	0	42	0	2	18	18	9

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	1	575	0	114	0	109	0	4	1	1	0
2	Bintulu	2	316	2	49	0	46	0	0	3	3	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	120	0	17	0	15	0	0	2	2	0
5	Lawas	0	21	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Bau	0	180	0	7	0	7	0	0	0	0	0
8	Simunjan	0	64	0	8	0	8	0	0	0	0	0
9	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
10	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
11	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	54	0	4	0	3	0	1	0	0	0
13	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
29	Kapit	1	36	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		4	2,249	2	265	0	253	0	5	7	7	0

Jumlah Besar	13	10,114	11	892	6	753	0	19	120	124	96
---------------------	-----------	---------------	-----------	------------	----------	------------	----------	-----------	------------	------------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **175 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **24 buah hotel** adalah seramai **2,361 orang**. Manakala seramai **28,780 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 01.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,438)	Hock Lee	139
2		Kuching Park	147
3		Hilton	326
4		Harbour View	261
5		Riverside (Astana Wing)	241
6		Tune Hotel	99
7		Dormani Hotel	47
8		Grand Continental	178
9	Miri (543)	Mega Hotel	66
10		Imperial Palace	155
11		Eastwood Valley	62
12		Meritz	83
13		Miri	34
14		Dynasty	106
15		Citi Hotel	37
16	Bintulu (117)	Wasan Inn	25
17		Kidurong Inn	31
18		Motel Kapok	41
19		Faber Inn	20
20	Limbang (144)	Purnama	63
21		Seri Malaysia (Lawas)	63
22		Shangshan (Lawas)	0
23		Mandarin (Lawas)	18
24	Sibu (119)	Premier	119
Jumlah PUS			2,361

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **6 lokasi di Miri (3), Kuching (2) dan Samarahan (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,885 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 01.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	2	617
2	Miri	3	355
3	Sibu	TIADA	187
4	Samarahan	1	125
5	Bintulu	TIADA	116
6	Sarikei	TIADA	115
7	Limbang	TIADA	87
8	Serian	TIADA	69
9	Betong	TIADA	57
10	Sri Aman	TIADA	53
11	Kapit	TIADA	53
12	Mukah	TIADA	51
Jumlah Keseluruhan			1,885

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **46 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 01.11.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	4
2	MP Padawan	2
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	5
5	MP Sibu	9
6	BDA	2
7	MCC	11
8	MD Marudi	3
9	MD Lawas	7
Jumlah		46